

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
(SIK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2015

Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan atau mengkaji semula berkaitan syarat pendaftaran peniagaan yang mempunyai penjualan minimum RM500K yang akan dikenakan GST. Ini adalah disebabkan penjualan yang diterima tidak menggambarkan keuntungan sebenar peniaga disebabkan kejatuhan nilai ringgit turut memberi kesan ke atas perniagaan mereka terutamanya melibatkan barangan import.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula paras threshold RM500,000 yang telah ditetapkan. Berdasarkan threshold ini, sehingga 17 Mac 2015 sebanyak 353, 372 buah syarikat telahpun berdaftar di bawah GST. Penetapan threshold adalah berdasarkan nilai jualan dan bukannya keuntungan.